



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Chaiwat Meesanthan & Nur Huda Sadama. (2025). Masalah penyebutan konsonan dan vokal bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thai: Kajian kes di Universiti Thammasat Bangkok, Thailand. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 379-412. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.15>

**MASALAH PENYEBUTAN KONSONAN DAN VOKAL
BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR THAI:
KAJIAN KES DI UNIVERSITI THAMMASAT BANGKOK,
THAILAND**

*(Malay Consonant and Vowel Pronunciation Problems Among
Thai Students: A Case Study at Thammasat University Bangkok,
Thailand)*

¹Chaiwat Meesanthan & ²Nur Huda Sadama

¹Universiti Thammasat, Thailand

²Universiti Rajabhat Yala, Thailand

¹*Corresponding author: chaiwat.m@arts.tu.ac.th*

Received: 26/1/2025 Revised: 30/3/2025 Accepted: 12/5/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan masalah sebutan bunyi konsonan dan vokal bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thai. Perbezaan antara konsonan dan vokal bahasa Melayu dan Bahasa Thai mewujudkan kerumitan dalam sebutan pelajar Thai yang mempelajari bahasa Melayu. Bunyi konsonan dan vokal dalam bahasa Thai yang berbeza jauh dengan bahasa Melayu hal ini telah menimbulkan masalah dalam kalangan pelajar Thai dalam menghasilkan vokal lain seperti

konsonan /c/ /g/ /h/ /j/ /p/ /r/ /t/ dan masalah sebutan bunyi vokal seperti bunyi vokal /a/ disebut /o/ (bunyi vokal dalam bahasa Melayu dialek Patani) dan bunyi vokal /e/ didapati mereka keliru /e/ e-taling dengan /ə/ e-pepet. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah penyebutan konsonan dan vokal bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thai yang belajar mata pelajaran Bahasa Melayu (*Elementary Bahasa Melayu 1*). Kajian ini melibatkan seramai 20 orang pelajar sebagai responden. Jumlah tersebut terdiri daripada 14 orang pelajar bukan Muslim mereka tidak bertutur bahasa dialek Melayu Patani dan tidak pernah belajar bahasa Melayu, 3 orang pelajar Muslim yang tidak boleh bertutur dialek Melayu Patani dan juga 3 orang pelajar Muslim yang bertutur bahasa dialek Melayu Patani. Kajian ini juga meneliti faktor yang menjadi punca kepada masalah tersebut berlaku. Hasil kajian memperlihatkan beberapa masalah penyebutan bahasa Melayu bagi pelajar Thai yang mempelajari bahasa Melayu di Universiti Thammasat iaitu (I) penyebutan mengikut bunyi dialek Melayu Patani dalam kalangan pelajar yang boleh bertutur dialek Melayu Patani (II) kekeliruan penyebutan bunyi vokal /e/ e-taling dengan /ə/ e-pepet oleh pelajar yang bukan Muslim dan pelajar Muslim yang tidak boleh bertutur Dialek Melayu Patani (III) kekeliruan penyebutan konsonan dan vokal yang sama dengan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar yang bukan Muslim (IV) penyebutan secara salah bunyi konsonan yang tidak ada dalam bahasa Thai dan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar yang bukan Muslim dan (V) tidak berkemampuan menyebut konsonan penutup yang tidak terdapat dalam bahasa Thai dan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar yang bukan Muslim. Punca kesalahan penyebutan bunyi konsonal dan vokal bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thai ialah pengaruh dialek Melayu Patani dan pengaruh daripada bahasa asing lain iaitu bahasa Thai, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Kata Kunci: Bahasa Melayu, masalah penyebutan, pelajar Thai, konsonan, vokal.

ABSTRACT

This study examines the pronunciation problems of Malay consonants and vowels among Thai students. The phonological differences between Malay and Thai pose significant challenges for Thai learners

of Malay, particularly in the articulation of certain consonants and vowels. The distinct phonetic systems of the two languages have led to difficulties among Thai students in producing consonants such as /c/, /g/, /h/, /j/, /p/, /r/, and /t/, as well as vowel sounds like /a/, which is often mispronounced as /o/—a feature influenced by the Patani Malay dialect. Another common issue is the confusion between the vowel sounds /e/ (e-taling) and /ə/ (e-pepet). The objective of this study is to identify specific pronunciation problems encountered by Thai students enrolled in the course Elementary Malay 1. The study involved 20 students: 14 non-Muslim students who neither spoke the Patani Malay dialect nor had prior experience learning Malay; 3 Muslim students who did not speak the Patani Malay dialect; and 3 Muslim students who were speakers of the dialect. Additionally, this research investigates the contributing factors to these pronunciation issues. The findings reveal several patterns of difficulty among students at Thammasat University: (I) Pronunciation influenced by the Patani Malay dialect among students who are native speakers of that dialect; (II) Confusion between the vowel sounds /e/ (e-taling) and /ə/ (e-pepet) among non-Muslim students and Muslim students who do not speak the dialect; (III) Mispronunciation of consonants and vowels that overlap with English phonemes among non-Muslim students; (IV) Inaccurate articulation of consonant sounds not present in Thai or English among non-Muslim students; and (V) Inability to pronounce final consonants that are absent in both Thai and English phonological systems. The root causes of these pronunciation problems appear to stem from the influence of the Patani Malay dialect and interference from other languages familiar to the students, namely Thai, English, and Arabic.

Keywords: Malay Language, pronunciation problems, Thai students, consonant, vowel.

PENGENALAN

Universiti Thammasat merupakan salah satu universiti terkemuka di kawasan tengah Thailand yang menawarkan pengajaran bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada kurikulumnya. Sebagai institusi akademik yang menitikberatkan pendidikan serantau, Universiti Thammasat mula menawarkan pengajaran bahasa Melayu pada tahun

2000, justeru menjadikannya sebagai salah satu universiti di Thailand yang menawarkan kursus bahasa Melayu secara formal. Kursus bahasa Melayu ditawarkan sebagai kursus pilihan di bawah Program Pengajian Asia Tenggara di Fakulti Sastera. Penawaran program tersebut bertujuan untuk membekalkan kemahiran bahasa kepada para pelajar yang boleh digunakan sama ada dalam komunikasi mahupun dalam kajian tentang negara-negara Asia Tenggara. Program tersebut, setiap pelajar diwajibkan memilih sekurang-kurangnya satu bahasa rasmi negara-negara ASEAN selain daripada bahasa Thai, seperti bahasa Melayu, bahasa Laos, bahasa Khmer, bahasa Filipino, termasuk bahasa ketiga yang lain. Keperluan ini bertujuan untuk memperluaskan kefahaman pelajar terhadap budaya dan linguistik serantau, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran dalam bidang akademik dan profesional. Pelajar yang memilih untuk mempelajari bahasa Melayu perlu melengkapkan enam kursus secara berperingkat yang merangkumi sejumlah 18 kredit akademik, iaitu *Elementary 1* dan *2*, *Intermediate 1* dan *2*, serta *Advanced 1* dan *2*. Struktur kursus yang disusun sedemikian adalah untuk memastikan para pelajar memperoleh asas yang kukuh dalam bahasa Melayu dan secara progresif meningkatkan kemahiran berbahasa dari tahap asas hingga ke tahap lanjutan. Dengan kurikulum yang sistematik tersebut, Universiti Thammasat bukan sahaja membantu pelajar memahami bahasa Melayu dari aspek linguistik, tetapi juga memberi pendedahan kepada aspek budaya dan sosial dunia Melayu.

Pada tahun 2010, Kumpulan Kursus Bahasa-bahasa ASEAN telah ditubuhkan sebagai satu inisiatif penting dalam memperkukuhkan kefahaman pelajar terhadap bahasa dan budaya negara-negara ASEAN. Penubuhan kumpulan kursus ini merupakan sebahagian daripada persiapan universiti dalam menyambut kemasukan Komuniti ASEAN pada tahun 2015, integrasi serantau semakin mendalam dan kemahiran dalam pelbagai bahasa ASEAN menjadi satu keperluan. Kumpulan kursus tersebut dikategorikan sebagai kursus pendidikan umum, yang bermaksud terbuka kepada semua pelajar Universiti Thammasat tanpa mengira bidang pengajian. Kursus ini membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan asas mengenai bahasa dan budaya negara-negara jiran Thailand, yang seterusnya dapat membantu memperkukuhkan hubungan serantau dalam pelbagai aspek, termasuk perdagangan, diplomasi, dan pelancongan. Dalam kumpulan tersebut juga, bahasa Melayu turut diajar sebagai salah

satu bahasa utama justeru mencerminkan kepentingannya sebagai bahasa rasmi di Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam, serta sebagai *lingua franca* dalam kalangan masyarakat di rantau ini. Mata pelajaran bahasa Melayu dalam kursus tersebut dibahagikan kepada dua tahap, iaitu Bahasa Melayu 1 dan Bahasa Melayu 2 (*Malay 1* dan *Malay 2*). Kursus Bahasa Melayu 1 memberi penekanan kepada asas tatabahasa, sebutan, dan komunikasi asas, manakala Bahasa Melayu 2 bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pelajar dalam memahami dan menggunakan bahasa Melayu dalam konteks yang lebih kompleks. Dengan adanya kursus ini, pelajar bukan sahaja memperoleh kemahiran bahasa, tetapi juga memahami budaya Melayu dengan lebih mendalam, menjadikan mereka lebih bersedia untuk menghadapi dunia tanpa sempadan.

Pelajar Universiti Thammasat yang memilih bahasa Melayu sebagai kursus pilihan, khususnya dalam Program Pengajian Asia Tenggara, serta secara umumnya dalam fakulti-fakulti lain, mempunyai latar belakang yang pelbagai. Kepelbagaian mewujudkan dinamika unik dalam pembelajaran bahasa Melayu kerana pelajar datang dengan tahap pemahaman dan pengalaman bahasa yang berbeza-beza. Sebahagiannya berasal dari wilayah-wilayah Selatan Thailand, seperti Pattani, Yala, Narathiwat, dan Satun, bahasa Melayu digunakan secara meluas dalam bentuk dialek Melayu Patani dan dialek Melayu Setul. Pelajar dari latar belakang ini umumnya mempunyai kelebihan dalam memahami beberapa aspek bahasa Melayu, walaupun terdapat perbezaan ketara antara dialek natif yang dituturkan dengan bahasa Melayu piawai yang diajar di universiti. Terdapat juga pelajar yang langsung tidak mempunyai asas dalam bahasa Melayu, terutamanya yang berasal dari kawasan tengah, utara, dan timur laut Thailand, pendedahan kepada bahasa Melayu amat terhad. Pelajar dalam kategori ini perlu bermula daripada asas, termasuk mempelajari sistem ejaan, sebutan, tatabahasa, serta kosa kata asas sebelum mereka dapat berkomunikasi dengan lebih lancar dalam bahasa tersebut. Perbezaan latar belakang linguistik ini menjadikan proses pengajaran lebih mencabar. Hal ini dikatakan demikian kerana tenaga pengajar perlu menyesuaikan kaedah pembelajaran mengikut tahap kecekapan setiap pelajar. Kepelbagaian tersebut memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih inklusif bagi memastikan setiap pelajar dapat memahami dan menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik, tidak kira sama ada mereka mempunyai latar belakang dialek Melayu atau tidak.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan meneliti permasalahan utama yang sering dihadapi oleh pelajar Thai dalam mempelajari bahasa Melayu , khususnya dalam aspek penyebutan konsonan dan vokal. Masalah tersebut merupakan cabaran pertama yang dihadapi oleh para pengajar bahasa Melayu kepada penutur asing sebaik sahaja kelas dimulakan. Kesukaran dalam menyebut konsonan dan vokal bahasa Melayu bukan hanya berlaku dalam kalangan pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Melayu , tetapi turut ditemui dalam kalangan pelajar yang mampu bertutur dalam DMP dan DMS. Walaupun pelajar yang bertutur dalam kedua-dua dialek Melayu tersebut mempunyai kelebihan dalam pemahaman dan penggunaan kosa kata tertentu, mereka tetap berdepan dengan kesukaran bagi menyesuaikan sebutan dialek natif dengan bahasa Melayu piawai. Maka, setiap pelajar mempunyai kesilapan penyebutan yang berbeza-beza bergantung pada latar belakang linguistik dan tahap penguasaan bahasa Melayu. Misalnya, pelajar yang bertutur dalam bahasa Melayu dialek Patani mungkin menghadapi kesukaran menyebut vokal panjang yang tidak wujud dalam dialek natif. Pelajar yang bertutur dalam bahasa Melayu dialek Satun pula mungkin keliru dengan penyebutan beberapa konsonan yang berbeza dengan bahasa Melayu piawai. Memahami perbezaan dan punca kesalahan penyebutan yang dinyatakan adalah sangat penting dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thai. Melalui analisis terhadap punca masalah membolehkan para pengajar mengenal pasti strategi terbaik untuk membantu pelajar memperbaiki sebutan mereka, sama ada melalui latihan fonetik, pendekatan berbentuk audio-lingual, atau penggunaan teknik pembelajaran berbantu teknologi. Kesimpulan yang dihasilkan daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan yang lebih jelas dalam merangka kaedah pengajaran bahasa Melayu yang lebih berkesan, seterusnya membantu pelajar Thai menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik serta memperkukuhkan hubungan linguistik dan budaya antara Thailand dan negara-negara ASEAN lain yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif yang berikut:

- i. Mengenal pasti penyebutan konsonan dan vokal bahasa Melayu yang menjadi masalah bagi pelajar Thai di Universiti Thammasat.
- ii. Meneliti faktor dan punca permasalahan penyebutan konsonan dan vokal bahasa Melayu di dalam kalangan pelajar Thai di Universiti Thammasat.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini mengkaji masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal bahasa Melayu di kalangan pelajar Thai seramai 20 orang yang mengambil kursus *Elementary Bahasa Melayu 1* semester 1 sesi 2020/2021, Program Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera, Universiti Thammasat.

KONSEP

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan beberapa konsep yang berkaitan dengan kajian seperti konsonan, vokal, diftong dan lain-lain lagi seperti berikut:

Konsonan

Farid (1980) menyatakan bahawa bahasa Melayu mempunyai 18 fonem konsonan iaitu /p/, /b/, /t/, /d/, /k/, /g/, /tʃ/, /dʒ/, /s/, /h/, /m/, /n/, /ɲ/, /l/, /r/, /j/ dan /w/. Manakala Abdullah (1974), Yunus (1980) dan Teoh (1994) menyatakan bahawa dalam bahasa Melayu terdapat 19 fonem konsonan, iaitu /p/, /b/, /t/, /d/, /g/, /tʃ/, /dʒ/, /s/, /h/, /m/, /n/, /ɲ/, /l/ dan /r/, /w/ dan /ʔ/. Berdasarkan Jadual 1 di bawah, inventori konsonan BMS terdiri daripada tujuh konsonan letupan /p, b, t, d, k, g, ʔ/, dua bunyi konsonan letusan /tʃ, dʒ/, empat konsonan sengauan /m, n, ɲ, ŋ/ satu konsonan sisian /l/, dua konsonan geseran /s, h/, satu konsonan getaran /r/, dan dua bunyi separuh vokal /w, j/. Jadual di bawah menunjukkan kesemua 19 konsonan yang terdapat dalam Bahasa Melayu Standard.

Jadual 1

Inventori Konsonan Bahasa Melayu Standard (Yunus Maris, 1980:51)

Daerah Cara sebutan						
	Bibir	Gigi-gusi	Gusi-lelangit keras	Lelangit keras	Lelangit lembut	Pita suara
Letupan	/p/ /b/	/t/ /d/			/k/ /g/	/ʔ/
Letusan			/tʃ/ /dʒ/			
Sengauan	/m/	/n/	/ɲ /		/ŋ/	
Sisian		/l/				
Gesaran		/s/				/h/
Getaran		/r/				
Separuh vokal	/w/			/j/		

Vokal

Vokal ialah bunyi yang dihasilkan secara lantang (Radiah Y, Noriah M, Nor' Aini I, 2010), bunyi disebut vokal apabila tiada halangan pada alat artikulasi. Arus udara keluar terus-menerus tanpa sekatan. Halangan untuk bunyi vokal hanya pada pita suara sahaja. Halangan hanya terjadi pada pita suara tidak lazim disebut artikulasi (J.W.M. Verhaar, 1977) kerana vokal dihasilkan dengan halangan pita suara maka pita suara bergetar. Glotis dalam keadaan tertutup tetapi tidak rapat sekali. Dengan demikian, semua vokal adalah bunyi bersuara. Dalam dasar sebutan baku bahasa Malaysia, ada dinyatakan bahawa bunyi perlu disebut fonemik. Maka semua huruf vokal 'a, e, I, o, u' perlulah disebut sebagai [a], [e], [i], [o], [u] tetapi 'e' mungkin disebut sebagai [e] seperti dalam elak, ekar, edah ataupun sebagai [ə] seperti dalam embun, entah, enggan. Maka huruf 'e' boleh disebut sebagai [e] atau [ə]. Jadi dalam sebutan baku bahasa Malaysia, terdapat lima huruf vokal tetapi bunyi vokalnya ialah enam (Radiah Y, Nor'Anini I 2005). Bunyi-bunyi vokal terbahagi kepada tiga jenis iaitu vokal hadapan, vokal tengah dan vokal belakang. Kriteria yang menentukan jenis-jenis vokal ialah lidah. Terdapat tiga jenis bunyi vokal yang dihasilkan iaitu vokal depan, vokal tengah dan vokal belakang. Vokal dalam bahasa Inggeris terdiri daripada lapan jenis, iaitu [i], [e], [ɛ],


[a], [u], [o],[ɔ], dan [ə] (A. Hamid, Nurfarah L.A 2007) . Vokal dibezakan menjadi vokal nasal dan vokal oral. Vokal nasal banyak terdapat dalam dialek Kelantan, bahasa Aceh dan Perancis. Vokal nasal dalam dialek Kelantan dan Aceh misalnya: [ã, ê, ï, û]. Vokal nasal dalam bahasa Perancis misalnya : on [õ], en [ə] dan [ɛ] dalam matin ‘pagi’ [mate]. Vokal dapat dibahagikan kepada vokal panjang dan pendek. Tanda panjang biasanya dengan tanda garis pendek di atas atau dengan titik dua di atas sebelah kanan bunyi panjang itu. Misalnya [a] panjang ditulis [a:] atau [ā], [u] panjang ditulis [u:] atau [ū] dan sebagainya. (A. Hamid, Nurfarah L.A 2007).

Diftong

Dalam bahasa Melayu, terdapat tiga jenis diftong yang digunakan, iaitu /aj/, /oj/ dan /aw/. Menurut Catford (1977:215), diftong didefinisikan sebagai dua deretan vokal yang berlainan dalam satu suku kata yang sama. Diftong /aj/ dan /aw/ wujud di posisi suku kata awal dan akhir, manakala diftong /oj/ hanya wujud dalam suku kata akhir terbuka (Zaharani & Teoh, 2005).

Rajah 1

Sistem Bunyi Diftong Bahasa Melayu (Sumber: Norzila. 2013)



Pengaruh Bahasa

Pengaruh bahasa dalam konteks kajian ini merujuk kepada fenomena *language transfer*, iaitu proses pemindahan ciri-ciri linguistik daripada

bahasa pertama (L1) ke bahasa kedua (L2). Menurut Odlin (1989), transfer bahasa berlaku apabila elemen dalam L1 mempengaruhi pemerolehan dan penggunaan L2, sama ada secara positif (positive transfer) atau negatif (negative transfer). Dalam kajian ini, pengaruh bahasa yang ditinjau melibatkan bahasa Thai (bahasa ibunda), Inggeris, Arab, dan dialek Melayu Patani yang boleh menyebabkan gangguan sebutan dalam bahasa Melayu piawai.

Penyebutan Bunyi

Penyebutan bunyi dalam bidang fonetik merujuk kepada cara penghasilan bunyi bahasa melalui pergerakan alat artikulasi (Radford et al., 2009). Menurut Teoh (1994), penyebutan bunyi melibatkan dua jenis utama iaitu vokal dan konsonan, di mana bunyi vokal dihasilkan tanpa halangan aliran udara, manakala bunyi konsonan melibatkan satu atau lebih halangan. Dalam pembelajaran bahasa kedua, penyebutan yang tidak tepat boleh menyebabkan kesalahfahaman makna dan mengganggu komunikasi (Celce-Murcia et al., 2000).

KAJIAN TERDAHULU

Kajian terhadap aspek penyebutan dalam pembelajaran bahasa kedua telah banyak dilaksanakan sejak beberapa dekad yang lalu, terutama dalam konteks pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL). Namun begitu, prinsip dan dapatan dalam kajian-kajian ini boleh diterapkan dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar Thai kerana berkongsi isu yang sama iaitu kesalahan fonetik akibat pengaruh bahasa pertama.

Prasong Rayanasuk (1992) memperkenalkan penyebutan bunyi sebagai suatu proses yang melibatkan vokal, konsonan dan tona. Walaupun definisi ini bersifat umum, ia membuka ruang kepada pemahaman awal terhadap kepelbagaian komponen bunyi yang terlibat dalam sebutan. Wong (1993) pula mengaitkan kepentingan penyebutan dengan kemahiran bahasa lain seperti mendengar, ejaan, tatabahasa dan pembacaan, justeru menunjukkan bahawa sebutan bukanlah kemahiran yang berdiri sendiri, tetapi saling berkait dalam keseluruhan sistem bahasa.

Kajian oleh Celce-Murcia e tal. (2000) lebih menekankan kepada fungsi penyebutan dalam komunikasi antara penutur asli dan penutur

asing. Mereka berpendapat bahawa penyebutan yang tidak tepat boleh menggagalkan komunikasi walaupun aspek tatabahasa dan kosa kata telah dikuasai. Ini sejajar dengan dapatan Kelly (2000) yang menjelaskan bahawa sebutan yang salah, meskipun hanya pada satu fonem, boleh menyebabkan kekeliruan makna atau salah faham dalam interaksi.

Daripada sudut faktor penyebab kesalahan sebutan, Kenworthy (1987) dan Avery dan Ehrlich (1992) memperincikan beberapa dimensi penting yang mempengaruhi pembelajaran sebutan. Antaranya ialah bahasa ibunda, usia, tahap pendedahan terhadap bahasa sasaran, kebolehan fonetik, sikap pelajar dan motivasi. Aspek ini penting kerana ia menunjukkan bahawa kesalahan sebutan tidak semata-mata disebabkan oleh ketidakserupaan fonem antara dua bahasa, tetapi juga oleh ciri psikologi dan sosiolinguistik pelajar.

Odlin (1989) dalam kerangka teori *language transfer* menegaskan bahawa bahasa pertama memberi pengaruh besar dalam pembelajaran bahasa kedua. Beliau menyatakan bahawa kesilapan sebutan berlaku apabila pelajar menggunakan ciri-ciri fonologi daripada L1 dalam L2 secara tidak sesuai (*negative transfer*). Ini secara langsung berkait dengan pelajar Thai yang membawa pengaruh bahasa Thai dan dialek Melayu Patani ke dalam sebutan bahasa Melayu piawai.

Dalam konteks serantau, Nurhuda Sadama et al. (2018) menjalankan kajian kes terhadap pelajar Thai di Kolej Kesihatan Sirinthorn, Yala dan mendapati bahawa perbezaan sistem fonem dan ketiadaan bunyi tertentu dalam bahasa Thai telah menyebabkan kesukaran pelajar dalam menyebut beberapa konsonan dan vokal bahasa Melayu. Kajian ini hampir sejajar dengan penyelidikan yang sedang dijalankan di Universiti Thammasat, sekaligus memperkukuh lagi rasional dan keperluan kajian ini.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa:

1. Penyebutan merupakan komponen penting dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa asing.
2. Kesalahan sebutan boleh menghalang komunikasi dan keyakinan diri pelajar.
3. Pengaruh bahasa pertama (L1), khususnya sistem fonetiknya, adalah antara punca utama kepada kesalahan sebutan.

4. Faktor bukan linguistik seperti motivasi, sikap, usia, dan pengalaman pembelajaran juga memainkan peranan signifikan.
5. Terdapat kekurangan kajian yang fokus kepada penyebutan dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing, khususnya dalam kalangan pelajar Thai bukan penutur jati.

Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada wacana ilmiah dengan mengisi kelompangan yang masih wujud dalam penyelidikan tempatan dan serantau, terutamanya yang melibatkan pelajar bahasa Melayu dari latar belakang linguistik yang jauh berbeza, seperti pelajar Thai.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk kajian kes (*case study*) yang bertujuan untuk meneliti secara mendalam isu kesalahan penyebutan bunyi konsonan dan vokal dalam kalangan pelajar Thai yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kajian kes dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami fenomena dalam konteks sebenar dengan mengambil kira faktor latar belakang pelajar secara holistik. Pendekatan utama kajian ialah kajian lapangan, manakala kajian kepustakaan digunakan sebagai sokongan kepada pembentukan kerangka konseptual dan pemahaman teori yang relevan. Teori utama yang mendasari penyelidikan ini ialah teori Language Transfer oleh Odlin (1989), yang menekankan bahawa bahasa pertama memberi kesan yang signifikan terhadap pembelajaran bahasa kedua, terutama dalam aspek penghasilan bunyi.

Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan digunakan dalam kajian ini bagi menyokong penyelidikan secara teori dan memberikan pemahaman yang mendalam terhadap isu kajian. Pengkaji telah meneliti dan menganalisis pelbagai bahan ilmiah yang relevan seperti buku linguistik, jurnal akademik, artikel prosiding, tesis, dan makalah penyelidikan yang berkaitan dengan bidang fonetik dan fonologi, terutamanya yang meneliti masalah sebutan dalam pembelajaran bahasa kedua.

Sumber-sumber ini diperoleh daripada perpustakaan universiti, pangkalan data digital seperti JSTOR, Google Scholar, dan repositori institusi akademik. Fokus diberikan kepada karya yang

membincangkan pengaruh bahasa ibunda terhadap penyebutan bunyi bahasa asing, perbandingan antara sistem bunyi L1 dan L2, serta strategi pedagogi untuk memperbaiki sebutan. Melalui rujukan kepada teori seperti Contrastive Analysis Hypothesis dan Speech Learning Model, pengkaji dapat memahami bagaimana kesalahan sebutan berlaku serta membina kerangka konseptual yang menyeluruh untuk menyokong analisis data lapangan. Dengan itu, kajian kepustakaan menjadi landasan penting dalam menyediakan latar belakang ilmiah yang kukuh bagi keseluruhan kajian.

Kerja Lapangan

Kerja lapangan merupakan pendekatan utama dalam kajian ini kerana data utama dikumpulkan secara langsung daripada pelajar melalui aktiviti dalam konteks pembelajaran sebenar. Tempat kajian ditetapkan di Universiti Thammasat, Kampus Tha Prachan, Bangkok, iaitu sebuah institusi pengajian tinggi terkemuka di Thailand yang menawarkan kursus bahasa Melayu secara formal dalam Program Pengajian Asia Tenggara. Lokasi ini dipilih kerana ia menampung pelajar dari pelbagai latar belakang linguistik, termasuk mereka yang memiliki dan tidak memiliki asas dalam bahasa Melayu, serta mereka yang bertutur dialek Melayu Patani. Kepelbagaian ini memberikan kerangka perbandingan yang berguna dalam menganalisis kesalahan sebutan.

Pengumpulan data lapangan melibatkan dua teknik utama, iaitu pemerhatian melalui ujian bacaan dan temu bual separa berstruktur. Dalam ujian bacaan, informan diminta membaca satu teks yang mengandungi pelbagai jenis fonem bahasa Melayu. Proses ini dirakam menggunakan peranti audio dan dianalisis melalui transkripsi fonetik berdasarkan simbol fonetik antarabangsa (IPA). Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti kesalahan sebutan yang berlaku di posisi awal, tengah dan akhir perkataan.

Selain itu, sesi temu bual dilakukan bagi memahami persepsi pelajar terhadap kesukaran sebutan, pengaruh bahasa ibunda, serta usaha pembetulan yang mereka lakukan. Temu bual turut disertai dengan ujian mendengar, di mana pelajar diminta mengulangi perkataan yang disebut oleh pengkaji untuk mengukur sejauh mana mereka dapat meniru sebutan yang betul. Semua data dianalisis secara deskriptif menggunakan pendekatan analisis kandungan, dengan meneliti jenis kesalahan dan faktor yang menyumbang kepada kesalahan tersebut.

Pemilihan Informan

Informan kajian terdiri daripada 20 orang pelajar Thai yang sedang mengikuti kursus *Elementary* Bahasa Melayu 1 di Fakulti Sastera, Universiti Thammasat pada semester 1, sesi akademik 2020/2021. Informan dipilih berdasarkan kepelbagaian latar belakang linguistik dan tahap pendedahan kepada bahasa Melayu. Terdapat tiga kategori utama informan:

- i. Pelajar Muslim yang boleh bertutur dalam dialek Melayu Patani (3 orang)
- ii. Pelajar Muslim yang tidak boleh bertutur dalam dialek Melayu Patani (3 orang)
- iii. Pelajar bukan Muslim yang tidak mempunyai latar belakang dalam bahasa Melayu (14 orang)

Pemilihan informan dibuat secara bertujuan (*purposive sampling*), iaitu berdasarkan kemampuan informan untuk memberikan maklumat yang relevan kepada objektif kajian. Informan berada dalam lingkungan umur 18 hingga 20 tahun dan dipilih secara sukarela dengan persetujuan dimaklumkan (*informed consent*) untuk menyertai kajian ini. Kepelbagaian informan membolehkan pengkaji mengenal pasti sama ada latar belakang agama, pendedahan kepada bahasa Melayu, atau penguasaan bahasa kedua lain seperti Inggeris dan Arab memberi kesan kepada penyebutan bunyi bahasa Melayu. Sila lihat Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Maklumat Pelajar Kursus Elementary Bahasa Melayu 1 Sesi 2020/2021 Semester 1

Maklumat Pelajar	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan	Jumlah pelajar(orang)	Peratusan (%)
Muslim dan boleh bertutur dalam DMP	1	2	3	15
Muslim dan tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu	2	1	3	15

(sambungan)

Maklumat Pelajar	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan	Jumlah pelajar(orang)	Peratusan (%)
Bukan Muslim tidak boleh ber bertutur dalam bahasa Melayu	3	11	14	70
Jumlah	6	14	20	100

Kaedah Temu bual

Kaedah temu bual dalam kajian ini dijalankan sebagai sebahagian daripada kerja lapangan untuk memperoleh data primer yang lebih terperinci mengenai kesalahan penyebutan bunyi konsonan dan vokal dalam kalangan pelajar Thai yang mempelajari bahasa Melayu. Temu bual ini berbentuk separa berstruktur dan dilaksanakan dalam dua bentuk utama, iaitu melalui ujian bacaan dan ujian mendengar. Dalam ujian bacaan, setiap pelajar diberikan satu teks bahasa Melayu yang telah direka khusus untuk mengandungi pelbagai fonem vokal dan konsonan yang lazimnya sukar disebut oleh penutur bukan jati. Teks tersebut disusun berdasarkan prinsip fonetik kontrasif dan dipilih dengan teliti bagi mengenal pasti jenis kesalahan yang mungkin berlaku seperti penambahan, pengguguran, penukaran atau penggantian bunyi. Pelajar diminta membaca teks tersebut secara lantang dalam suasana terkawal, dan pengkaji merakam audio serta mencatat kesalahan sebutan berdasarkan sistem transkripsi fonetik (IPA). Proses ini penting untuk membolehkan analisis yang sistematik terhadap pola-pola kesalahan bunyi.

Seterusnya, sesi temu bual turut melibatkan ujian mendengar, di mana pengkaji menyebut beberapa perkataan dalam bahasa Melayu dan meminta pelajar mengulangi sebutan tersebut. Kaedah ini bertujuan untuk menilai sejauh mana pelajar dapat meniru sebutan dengan tepat serta mengenal pasti sama ada wujud halangan dari segi artikulasi atau ketidakpastian auditori terhadap bunyi sasaran. Teknik ini juga membantu mengenal pasti sama ada kesalahan sebutan berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda, kekurangan pendedahan kepada bahasa Melayu piawai, atau faktor lain seperti keupayaan fonetik individu. Dalam sesi temu bual lisan yang berlangsung selepas ujian bacaan dan ujian mendengar, pengkaji menanyakan pelajar

tentang pengalaman mereka dalam mempelajari bahasa Melayu, termasuk motivasi mereka, pendedahan terhadap media berbahasa Melayu, kesukaran yang dihadapi dalam aspek sebutan, dan strategi yang pernah mereka cuba untuk memperbaiki pengucapan. Temu bual ini memberikan data kualitatif yang kaya dan membolehkan pengkaji memahami dimensi sosiolinguistik dan psikologi yang turut mempengaruhi penguasaan sebutan pelajar.

Secara keseluruhan, kaedah temu bual ini melengkapkan dapatan daripada ujian bacaan dan mendengar, serta membantu pengkaji mengenal pasti hubungan antara faktor linguistik dan bukan linguistik yang membentuk pola kesalahan sebutan dalam kalangan pelajar Thai.

KERANGKA TEORI

Dalam kajian linguistik yang meneliti kesalahan penyebutan dalam kalangan pelajar bahasa kedua, pemilihan teori yang tepat sangat penting untuk memberikan asas analitis yang kukuh. Kajian ini menggunakan dua teori utama sebagai kerangka rujukan, iaitu Teori Pemindahan Bahasa (Language Transfer Theory) oleh Odlin (1989), dan Hipotesis Analisis Kontrastif (Contrastive Analysis Hypothesis – CAH) oleh Lado (1957). Kedua-dua teori ini memberikan panduan dalam memahami bagaimana latar belakang linguistik pelajar terutamanya bahasa ibunda memberi kesan terhadap sebutan dalam bahasa kedua yang dipelajari, iaitu bahasa Melayu.

Teori Pemindahan Bahasa (Language Transfer Theory)

Teori Pemindahan Bahasa diperkenalkan oleh Odlin (1989) dan merupakan salah satu teori asas dalam bidang pemerolehan bahasa kedua (Second Language Acquisition - SLA). Teori ini menjelaskan bahawa pelajar cenderung membawa ciri-ciri linguistik daripada bahasa pertama (L1) mereka ke dalam bahasa kedua (L2) yang sedang dipelajari. Pemindahan ini boleh berlaku dalam dua bentuk, iaitu pemindahan positif (*positive transfer*) apabila struktur L1 serupa dengan L2, dan pemindahan negatif (*negative transfer*) apabila terdapat perbezaan besar antara kedua-dua sistem bahasa tersebut, lalu menyebabkan kesilapan dalam penghasilan bahasa.

Dalam konteks kajian ini, pelajar Thai yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua berkemungkinan mengalami

pemindahan negatif kerana sistem fonologi bahasa Thai sangat berbeza daripada bahasa Melayu. Bahasa Thai, sebagai contoh, mempunyai sistem nada (*tone*) yang membezakan makna melalui intonasi, manakala bahasa Melayu tidak. Selain itu, beberapa konsonan akhir dalam bahasa Melayu seperti /p/, /t/, /k/, atau diftong seperti /ai/, /au/ dan /oi/ tidak wujud atau tidak produktif dalam bahasa Thai. Keadaan ini menyebabkan pelajar Thai mengalami kesukaran dalam menyebut perkataan bahasa Melayu dengan tepat.

Sebagai contoh, perkataan “sapu” mungkin disebut sebagai “sabu”, atau “pantai” disebut sebagai “panta”. Kesalahan ini bukan disebabkan oleh kecuaiannya semata-mata, tetapi berpunca daripada sistem bahasa ibunda yang telah tertanam sejak awal dan menjadi rujukan tidak sedar dalam pertuturan bahasa asing. Teori ini membantu pengkaji untuk mengenal pasti bentuk pemindahan linguistik yang berlaku dan menganalisis bagaimana ciri-ciri fonetik bahasa Thai mempengaruhi kemampuan sebutan dalam bahasa Melayu.

Hipotesis Analisis Kontrastif (Contrastive Analysis Hypothesis – CAH)

Hipotesis Analisis Kontrastif (CAH) merupakan salah satu teori klasik dalam pengajaran bahasa asing yang diperkenalkan oleh Lado (1957). CAH menyatakan bahawa bentuk-bentuk kesalahan yang berlaku dalam pembelajaran bahasa kedua boleh diramalkan dengan membandingkan sistem linguistik antara bahasa pertama (L1) dan bahasa kedua (L2). Menurut Lado, semakin besar perbezaan antara kedua-dua bahasa, semakin tinggi kemungkinan kesalahan berlaku, terutama dalam aspek fonetik dan fonologi.

Penggunaan CAH dalam kajian ini membolehkan pengkaji membuat perbandingan sistematik antara sistem bunyi bahasa Thai dan bahasa Melayu. Bahasa Thai, contohnya, tidak mempunyai beberapa fonem yang wujud dalam bahasa Melayu seperti /z/, /ʃ/, atau /ŋ/ pada posisi awal, yang membawa kepada kesalahan penggantian bunyi seperti “zaman” disebut sebagai “saman” atau “syarat” disebut sebagai “sarat”. Di samping itu, perbezaan dalam struktur suku kata juga memainkan peranan; bahasa Thai mempunyai batasan tertentu dalam kombinasi konsonan, sedangkan bahasa Melayu lebih fleksibel, terutama pada konsonan akhir.

CAH bukan sahaja membantu mengenal pasti kesalahan sebutan yang lazim berlaku, tetapi juga memberikan asas kepada strategi pengajaran

yang bersasar. Dengan mengenal pasti bunyi-bunyi yang sukar bagi pelajar Thai, guru boleh memberikan tumpuan kepada latihan fonetik yang lebih intensif pada bunyi tersebut.

Kesimpulannya, gabungan kedua-dua teori ini – Language Transfer dan CAH – membolehkan kajian ini mengenal pasti, menganalisis, dan menjelaskan kesalahan penyebutan yang berlaku dalam kalangan pelajar Thai dengan lebih sistematik dan berasaskan teori. Ia turut memberikan panduan kepada pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua agar dapat disesuaikan dengan latar belakang linguistik pelajar dan cabaran sebenar yang mereka hadapi dalam aspek sebutan.

Analisis Data

Dalam memastikan dapatan kajian dianalisis secara sistematik dan objektif, pengkaji telah menjalankan analisis kandungan (*content analysis*) terhadap data yang diperoleh melalui ujian bacaan, ujian mendengar, dan temu bual separa berstruktur yang dilaksanakan dalam kalangan 20 orang pelajar Thai yang mempelajari bahasa Melayu. Pendekatan analisis ini digunakan bagi mengenal pasti corak kesalahan penyebutan yang berlaku serta faktor-faktor linguistik yang mempengaruhi sebutan mereka.

Setiap rakaman bacaan ditranskripsi secara fonetik menggunakan sistem International Phonetic Alphabet (IPA). Transkripsi ini membolehkan pengkaji mengenal pasti dan mengkategorikan kesalahan berdasarkan jenis bunyi, sama ada konsonan atau vokal, termasuk juga diftong dan kombinasi bunyi tertentu. Kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti seterusnya dikelaskan kepada bentuk seperti pengguguran bunyi, penggantian bunyi, penambahan bunyi, atau pengubahan intonasi/nada yang tidak sesuai dengan sistem fonologi bahasa Melayu.

Pengkaji turut melakukan perbandingan antara pelajar yang mempunyai asas bahasa Melayu (seperti mereka yang bertutur dialek Melayu Patani) dengan pelajar yang tidak mempunyai latar belakang langsung dalam bahasa Melayu. Perbandingan ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pengaruh bahasa ibunda (L1) memainkan peranan dalam kesalahan penyebutan yang berlaku, sesuai dengan prinsip dalam Teori Pemindahan Bahasa oleh Odlin (1989). Selain

itu, Hipotesis Analisis Kontrastif (CAH) turut digunakan untuk menjelaskan kesalahan berdasarkan perbezaan struktur fonologi antara bahasa Thai dan bahasa Melayu.

Setiap jenis kesalahan yang dikenal pasti dikira dari segi kekerapan dan peratusan kejadian, lalu dibahagikan mengikut kategori bunyi yang terlibat. Ini membolehkan pengkaji mengenal pasti bunyi-bunyi yang paling sukar untuk disebut oleh pelajar, seperti konsonan /z/, /ʃ/, atau diftong /ai/, yang tidak wujud dalam bahasa Thai dan cenderung menjadi punca utama kesalahan.

Data yang diperoleh melalui temu bual dianalisis dari segi tema dan isi kandungan, dengan fokus kepada maklumat tentang pengalaman pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu, kesedaran mereka terhadap kesalahan sebutan, serta strategi pembelajaran yang digunakan. Ulasan pelajar tentang kesukaran yang mereka hadapi membantu pengkaji meneliti aspek sikap, motivasi dan pendedahan yang mungkin turut menyumbang kepada kesalahan yang dilakukan.

Akhir sekali, hasil analisis ini dirumus secara interpretatif berdasarkan kedua-dua teori yang digunakan, lalu dibincangkan dalam bab seterusnya. Dapatan ini diharap bukan sahaja dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang punca kesalahan sebutan dalam kalangan pelajar Thai, tetapi juga menyumbang kepada pengembangan strategi pengajaran yang lebih berkesan, khususnya dalam konteks pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kepada penutur asing.

DAPATAN KAJIAN

Hasilujian bacaan memperlihatkan kesalahan sebutan yang dilakukan oleh pelajar dan juga memperlihatkan kesalahan penyebutan setiap perkataan melalui bunyi konsonan atau vokal. Masalah yang banyak dijumpai adalah kekeliruan bunyi konsonan dan vokal seperti /e/ e-taling dengan /ə/ e-pepet, bunyi konsonan /g/, /h/, /j/. Jadual 3 menunjukkan kesalahan setiap perkataan yang disebut oleh informan kajian.

Jadual 3

Analisis sebutan bunyi konsonan dan vokal bahasa Melayu

Perkataan	Kesalahan
nama	1. /namo/
saya	1. /sayo/
nur	1. /nu/
mempunyai	1. / məmpunyai/
sebuah	1. / səbua/ 2. / sebua/ (e – taling) 3. / səbuəh/
keluarga	1. / kəluaka/ 2. / keluaka/(e – taling)
bahagia	1. /bahakia/ 2. /tə'diri/
terdiri	1. /tediri/
ayah	1. /aya/
tiga	1. /tigə/ 2. /tika/
lagi	1. /laki/
dilahirkan	1. /dilahikan/
pada	1. /padə/
dua	1. /duə/
berumur	1. /bərumu/
bekerja	1. /bəkeja/ 2. /bekeya/ 3. /bəkərdʒo/
sebagai	1. /səbakai/
sebagai	2. /sebakai/(e – taling)
peniaga	1. /pəniaka/ 2. /pʰəniaka/ 3. /peniaka/ (e – taling)
penyayang	1. /pəyayan/ 2. /pʰəyayan/ 3. /peyayan/(e – taling)
tanggal	1. /taŋka/
guru	1. /kuru/
tegas	1. /təkas/ 2. /tekas/(e – taling)
belajar	1. /bəlayar/ 2. /belayar/ (e – taling)
bersungguh-sungguh	1. /bəsuŋku-suŋku/
berjaya	1. /bəyaya/

(sambungan)

Perkataan	Kesalahan
Ammar	1. /amma/
puluh	1. /pulu/ 2. /p ^h ulu/
sekolah	1. /səkola/ 2. /səkoləh/
terutama	1. /təutama/ 2. /t ^h əutama/ 3. /tərutamə
mewakili	1. /məwakili/ (e – taling)
pertandingan	1. /pətəndiŋan/ 2. /pət ^h əndiŋan/ 3. /p ^h ət ^h əndiŋan/
pertama	1. /pətama/ 2. /p ^h et ^h ama/ 3. /pərtamə/
peramah	1. /pərama/ 2. /p ^h ərama/ 3. /perama/ (e – taling)
bercita-cita	1. /bərk ^h ita-k ^h ita/
Aisyah	1. /aiʃa/ 2. /aisa/
Mardiah	1. /madia/
Nadhirah	1. /nadira/
empat	1. /empat/ (e – taling) 2. /əmp ^h at/
pintar	1. /pinta/ 2. /p ^h inta/ 3. /p ^h int ^h ar/
Sebelah	1. /səbəla/ /sebelə/ (e – taling) 2. /səbələh/
Mahmood	1. /mamud/
Omar	1. /oma/
hampir	1. /hampi/ 2. /hamp ^h i/
Omar	1. /oma/
Salleh	1. /salle/ (e – taling)

Berdasarkan jadual di atas boleh dirumuskan kesalahan penyebutan bunyi konsonan dan vokal mengikut huruf dalam Jadual 4 di bawah. Terdapat sembilan bunyi yang sebutan yang tidak tepat terdiri daripada dua bunyi vokal dan tujuh bunyi konsonan. Terdapat 2 huruf vokal yang salah disebut ialah /a/ dan /e/. Terdapat 7 bunyi konsonan yang sebutan yang tidak tepat ialah /c/, /g/, /h/, /j/, /p/, /r/ dan /t/. Terdapat

beberapa huruf yang dijumpai kesalahan penyebutan konsonan di awal perkataan, tengah perkataan dan akhir perkataan.

Jadual 4

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan dan Vokal Berdasarkan Huruf

Bunyi	Kesalahan yang dijumpai		
	awal	tengah	akhir
/a/	-	/-ah/ disebut /-oh/	/-a/ disebut /-o/
/c/	disebut /kh/	-	-
/e/	kekeliruan /e/ dengan /ə/	kekeliruan /e/ dengan /ə/	-
/g/	disebut /k/	disebut /k/	-
/h/	-	-	-tidak disebut bunyi /h/
/j/	-	disebut /y/	-
/p/	disebut /ph/	disebut /ph/	-
/r/	-	-	-tidak disebut bunyi /r/
/t/	disebut /th/	disebut /th/	-

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan jenis kesalahan penyebutan bunyi konsonan dan vokal dalam kalangan pelajar Thai yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Perbincangan disusun mengikut bentuk kesalahan fonetik yang dikenal pasti melalui ujian bacaan dan temu bual, serta ditafsirkan berdasarkan kerangka teori Pemindahan Bahasa dan Analisis Kontrastif. Kedua-dua teori ini memberikan panduan kepada pengkaji dalam mengenal pasti bentuk kesalahan yang berlaku serta punca linguistik yang menyumbang kepada berlakunya kesilapan tersebut.

Analisis Kesalahan Berdasarkan Huruf

Kesalahan Penyebutan Bunyi Vokal /a/

Kesalahan penyebutan huruf vokal /a/ telah disebut oleh dua orang pelajar dan kedua-duanya menyebut bunyi /a/ dengan bunyi /ɔ/ di huruf tengah dan huruf akhir seperti /sekolah/ disebut /sekolɔh/ atau /tiga/ disebut /tigɔ/, /saya/ disebut /sayɔ/. Dari segi peratusan kesalahan

penyebutan bunyi huruf /a/ tengah dan akhir adalah sama iaitu 10%. Dari segi latar belakang, dua orang pelajar yang salah menyebut bunyi /a/ ini ialah pelajar Muslim yang boleh bertutur dalam bahasa dialek Melayu Patani. Jadual 5 memperincikan kesalahan penyebutan vokal /a/.

Jadual 5

Kesalahan Penyebutan Bunyi Vokal /a/

Bunyi	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
/a/	-	/-ah/ disebut /-ɔh/	/-a/ disebut /-ɔ/
Jumlah pelajar	-	2	2
Peratusan	0	10%	10%

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /c/

Bunyi huruf konsonan /c/ adalah satu konsonan yang pelajar salah menyebutkannya. Seramai 15 orang atau 70% menyebut huruf /c/ dengan bunyi /x/. Contohnya yang mampu membayangkan masalah ini adalah perkataan “bercita-cita” yang disebut /berkhita-khita/. Semua pelajar yang menghadapi masalah penyebutan huruf konsonan /c/ ini terdiri daripada pelajar yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu langsung. Dua orang pelajar daripada 15 orang ini adalah pelajar yang beragama Islam. Jadual 6 memperincikan kesalahan penyebutan vokal /c/.

Jadual 6

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /c/

Bunyi	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
/c/	disebut /kh/	disebut /kh/	-
Jumlah pelajar	15	-	-
Peratusan	75%	-	-

Kesalahan Penyebutan Bunyi Vokal /e/ e-taling dengan /ə/ e-pepet

Dapatan kajian memperlihatkan kekeliruan penyebutan bunyi iaitu kesalahan bunyi vokal /e/ e-taling dengan /ə/ e-pepet . Seramai 15

orang pelajar bersamaan 75 peratus didapati melakukan kesalahan sebutan bunyi vokal /e/ pada huruf vokal pertama seperti /empat/ disebut /empat/ mereka disebut bunyi /ə/. Begitu juga dengan huruf vokal /e/ di tengah perkataan, seramai 17 orang atau 85 peratus pelajar yang salah menyebut bunyi vokal tersebut dengan kekeliruan antara /e/ e-taling dengan /ə/ e-pepet. Semua pelajar melakukan kesalahan penyebutan bunyi ini terdiri daripada pelajar yang tidak boleh bertutur dalam dialek Melayu Patani seperti Jadual 7 memperincikan kesalahan penyebutan vokal /e/ e-taling dengan /ə/ e-pepet

Jadual 7

Kesalahan Penyebutan Bunyi Vokal /e/ e-taling dengan /ə/ e-pepet

Bunyi	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
/e/	kekeliruan /e/ dengan /ə/	kekeliruan /e/ dengan /ə/	-
Jumlah pelajar	15	17	-
Peratusan	75%	85%	-

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /g/

Penyebutan konsonan /g/ adalah masalah utama yang dihadapi oleh pelajar beragama Islam. Jumlah 13 orang pelajar atau 65 peratus didapati melakukan kesalahan sebutan bunyi vokal /k/. Semua pelajar yang melakukan kesalahan sebutan bunyi ini adalah pelajar yang bukan Muslim. Kalau dilihat dari jumlah pelajar yang tidak beragama Islam terdapat seorang pelajar sahaja yang sebutannya betul atau boleh dikatakan bahawa pelajar yang bukan Muslim salah menyebut huruf /g/. Punca masalah ini adalah pengaruh ibunda iaitu bahasa Thai yang tidak ada bunyi /g/ dalam sistem bunyinya. Bagi pelajar Muslim, tiada kesalahan penyebutan bunyi konsonan /g/ kerana bunyi ini terdapat dalam dialek Melayu Patani. Jadual 8 di bawah memperincikan kesalah yang dibincangkan.

Jadual 8

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /g/

Huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
/g/	-	disebut /k/	-
Jumlah pelajar	-	13	-
Peratusan	-	65%	-

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan Penutup /h/

Berdasarkan kajian yang dilakukan, 11 bunyi konsonan /h/ pada akhir perkataan didapati 12 orang pelajar atau 60 peratus didapati kesalahan sebutan bunyi vokal /h/ mereka tidak dapat menyebut bunyi /h/ di akhir perkataan, mereka terdiri daripada pelajar yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan bukan Muslim. Punca masalah penyebutan bunyi ini adalah dalam bahasa Thai dan bahasa Inggeris yang bertugas sebagai konsonan penutup tidak akan disebut bunyinya seperti Sarah disebut /Sara/ (gugur bunyi /h/). Apabila perkataan dalam bahasa Melayu yang diakhiri dengan konsonan “h” para pelajar didapati telah menggugurkan bunyi /h/ Contohnya ialah puluh disebut /pulu/ atau ayah disebut /aya/. Jadual 9 di bawah memperincikan kesalah yang dibincangkan.

Jadual 9

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /h/

Bunyi	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
/h/	-	-	-tidak disebut bunyi /h/
Jumlah pelajar	-	-	12
Peratusan	-	-	60%

Kesalahan penyebutan bunyi konsonan /tʃ/

Kajian didapati seramai 13 orang pelajar atau 65 peratus berlaku kesalahan sebutan bunyi huruf konsonan /tʃ/ dengan bunyi /y/ seperti “belajar” disebut /belayar/ yang memberi makna lain atau perkataan “berumur” disebut /berumu/. Semua didapati kesalahan dalam

penyebutan mereka merupakan pelajar yang bukan Muslim. Punca kesalahan ini juga bersama dengan kesalahan konsonan /g/ iaitu bunyi ini tidak ada dalam sistem bunyi bahasa Thai. Jadual 10 di bawah memperincikan kesalah yang dibincangkan.

Jadual 10

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /tʃ/

Bunyi	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
/tʃ/	-	disebut /y/	-
Jumlah pelajar	-	13	-
Peratusan	-	65%	-

Kesalahan penyebutan bunyi konsonan /p/

Berdasarkan Jadual 13 seramai 12 orang pelajar atau 60 peratus menyebut bunyi huruf konsonan /p/ di awal perkataan dengan bunyi /ph/ seperti /pelajar/ akan disebut /phelajar/. Begitu juga dengan bahagian tengah perkataan, seramai 11 orang pelajar bersamaan 55 peratus kesalahan dalam penyebutan bunyi /p/ seperti /empat/ akan disebut /emphat/. Mereka terdiri daripada pelajar Muslim dan bukan Muslim. Punca kesalahannya adalah pengaruh bahasa Inggeris. Jadual 11 di bawah memperincikan kesalah yang dibincangkan.

Jadual 11

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /p/

Bunyi	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
/p/	disebut /ph/	disebut /ph/	-
Jumlah pelajar	12	11	-
Peratusan	60%	55%	60%

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /r/

Walaupun dalam bahasa Thai terdapat bunyi huruf konsonan /r/ tetapi masalah penyebutan konsonan ini didapati oleh pelajar iaitu /r/ yang bertugas sebagai konsonan penutup. Dalam bahasa Thai /r/ yang bertugas sebagai konsonan penutup akan ditukarkan kepada bunyi /n/ seperti perkataan (รณ) dalam bahasa Thai yang bermaksud

“tangan” disebut /kon/. Seramai 14 orang pelajar iaitu 60 peratus tidak boleh menyebut bunyi /r/ konsonan penutup. Mereka semua adalah pelajar bukan Muslim. Punca yang membuatkan pelajar Muslim boleh menyebut bunyi ini adalah bahasa Arab. Jadual 12 di bawah memperincikan kesalah yang dibincangkan.

Jadual 12

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /r/

Bunyi	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
/r/	-	-	-tidak disebut bunyi /r/
Jumlah pelajar	-	-	14
Peratusan	-	-	70%

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /t/

Konsonan terakhir yang pelajar salah menyebut adalah bunyi konsonan /t/. Seramai 11 orang pelajar salah menyebut bunyi huruf konsonan /t/ dengan bunyi /th/ di awal perkataan dan 12 orang pelajar bersamaan 60 peratus didapati kesalahan sebutan bunyi konsonan ini di tengah perkataan. Punca penting yang menyebabkan kesalahan penyebutan ini adalah BI, terdiri daripada pelajar Muslim dan bukan Muslim yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu.

Jadual 13

Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /t/

Bunyi	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
/t/	disebut /th/	disebut /th/	-
Jumlah pelajar	11	12	-
Peratusan	55%	60%	

Faktor Punca Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan dan Vokal BM dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Thai

Perkara yang dibincangkan pada bahagian ini adalah faktor-faktor yang mempengaruhi kesalahan penyebutan konsonan dan vokal bahasa Melayu.

Pengaruh Dialek Melayu Patani

Pelajar yang boleh bertutur dalam dialek Melayu Patani didapati menyebut vokal dan konsonan bahasa Melayu piawai berdasarkan sistem fonologi dialek yang digunakan dalam kehidupan seharian. Salah satu fenomena yang paling ketara ialah perubahan bunyi vokal /a/ pada posisi akhir perkataan kepada /o/, contohnya perkataan saya disebut sebagai /sayo/, nama disebut sebagai /namo/. Perubahan vokal ini merupakan ciri fonologi yang lazim dalam dialek Melayu Pantai Timur, termasuk dialek Melayu Patani, sebagaimana dihuraikan oleh Asmah Haji Omar (2008) bahawa dialek Kelantan dan Terengganu — yang sangat dekat dengan Patani — mempamerkan kecenderungan menggantikan vokal /a/ akhir kepada /o/, khususnya dalam ujaran tidak formal.

Selain itu, pelajar juga didapati mengalami kesalahan dalam menyebut konsonan sengauan akhir seperti /m/, /n/ dan /ŋ/. Konsonan-konsonan ini dalam dialek Melayu Patani kerap mengalami vokalisasi atau *nasal neutralisation* pada posisi akhir sebelum hening (*pause*). Sebagai contoh, perkataan bahasa Melayu piawai seperti makan disebut sebagai /makae/, ikan sebagai /ikae/, dan petang sebagai /petae/ dalam dialek Melayu Patani. Menurut Teo Kok Seong (2006), dalam banyak dialek Melayu serantau, konsonan akhir sering mengalami penyederhanaan atau disuarakan secara samar (*obscured*), dan hal ini menyumbang kepada kecelaruan apabila pelajar dialek tersebut mempelajari bahasa Melayu piawai.

Fenomena-fenomena ini menjelaskan bahawa pelajar yang bertutur dalam dialek Melayu Patani mengalami pemindahan antara dialek ketika menyebut perkataan dalam bahasa Melayu piawai. Dalam konteks teori Language Transfer oleh Odlin (1989), pemindahan sedemikian dikategorikan sebagai bentuk *interdialect transfer*, di mana sistem bunyi dalam satu variasi bahasa mempengaruhi penghasilan ujaran dalam variasi lain.

Konsonan atau Vokal BM yang Tiada dalam Bahasa Pertama dan bahasa Kedua

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kesalahan penyebutan bunyi konsonan dan vokal dalam kalangan pelajar Thai ialah perbezaan sistem fonem antara bahasa Melayu dengan bahasa pertama (bahasa Thai) dan bahasa kedua (bahasa Inggeris) yang

mereka kuasai. Bahasa Thai dan bahasa Inggeris mempunyai inventori fonem yang tersendiri dan tidak merangkumi beberapa bunyi asas dalam bahasa Melayu, terutamanya bunyi-bunyi konsonan bersuara seperti /g/, /j/, /z/, serta vokal tengah seperti /ə/ dan vokal belakang tidak bulat seperti /a/ akhir.

Menurut Odlin (1989), kesalahan sebegini berpunca daripada fenomena *negative transfer*, iaitu apabila pelajar menerapkan sistem fonologi bahasa pertama atau kedua mereka dalam bahasa sasaran. Tambahan pula, berdasarkan Hipotesis Analisis Kontrastif oleh Lado (1957), semakin besar perbezaan fonologi antara L1 dan L2, semakin besar kemungkinan berlakunya kesalahan sebutan.

Di samping itu, faktor latar belakang agama turut memberi kesan tidak langsung terhadap penguasaan bunyi. Pelajar Muslim yang mempunyai asas dalam bahasa Arab melalui bacaan al-Quran cenderung dapat menyebut beberapa fonem dalam bahasa Melayu dengan lebih tepat berbanding pelajar bukan Muslim, khususnya bunyi seperti /h/, /g/, dan /j/ yang juga terdapat dalam bahasa Arab.

Berikut ialah kesalahan sebutan yang dapat dijelaskan melalui ketiadaan bunyi dalam sistem bahasa Thai dan Inggeris:

1. Kekeliruan bunyi yang wujud dalam bahasa Inggeris tetapi diucapkan secara beraspirasi. Pelajar sering menyebut /p/, /t/, dan /c/ sebagai /p^h/, /t^h/, dan /kh/ akibat pengaruh sistem fonetik Thai dan Inggeris yang menekankan aspirasi. Contohnya, bercita-cita disebut /berkhita-khita/, dan pintar disebut /phintar/ atau /phinthar/.
2. Kesalahan sebutan bunyi yang tidak terdapat dalam bahasa Thai dan Inggeris. Konsonan seperti /g/ dan /j/ sukar dikuasai oleh pelajar kerana ketiadaannya dalam sistem L1 dan L2 mereka. Contohnya, guru disebut /kuru/ dan bersungguh-sungguh disebut /besungku-sungku/. Bunyi /j/ juga sering digantikan dengan /y/, seperti dalam belajar yang disebut /belayar/, menukar makna secara keseluruhan.
3. Kesalahan pada bunyi konsonan penutup /h/ dan /r/. Bahasa Thai dan Inggeris cenderung menggugurkan atau tidak merealisasikan konsonan penutup /h/ dan /r/, menyebabkan pelajar menyebut sekolah sebagai /sekola/ dan akhir sebagai /akhi/. Kekurangan latihan dalam bahasa Arab atau dialek Melayu juga menyumbang kepada kelemahan ini.

4. Kekeliruan antara vokal /e/ taling dan /ə/ pepet. Semua pelajar yang tidak menguasai dialek Melayu Patani didapati mengalami kekeliruan dalam menyebut vokal /e/ di awal dan tengah perkataan. Ini disebabkan oleh perbezaan sistem vokal dalam bahasa Thai dan Inggeris yang tidak membezakan secara fonemik antara vokal pertengahan seperti dalam bahasa Melayu.
5. Penguasaan bahasa Arab oleh pelajar Muslim. Kemahiran dalam membaca al-Quran memberi kelebihan kepada pelajar Muslim dalam menyebut beberapa fonem penting bahasa Melayu dengan betul, seperti /g/, /j/, dan /h/, yang mempunyai padanan hampir serupa dalam sistem fonologi bahasa Arab. Sebagai contoh, fonem /ج/ dan /ح/ dalam bahasa Arab berdekatan dengan /j/ dan /g/ dalam bahasa Melayu, manakala /أ/ dan /آ/ menyerupai /h/ pada posisi akhir perkataan.

Dapatan ini mengesahkan bahawa latar belakang linguistik pelajar termasuk bahasa pertama, kedua, dan akses kepada bahasa ketiga seperti Arab mempunyai pengaruh langsung terhadap penghasilan sebutan dalam bahasa Melayu. Oleh itu, pemahaman terhadap sistem fonetik pelajar amat penting dalam merancang strategi pengajaran sebutan yang lebih efektif.

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti secara mendalam masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal dalam kalangan pelajar Thai yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Dapatan menunjukkan bahawa kesalahan penyebutan berlaku dalam pelbagai bentuk dan tahap, bergantung kepada latar belakang linguistik pelajar. Secara umumnya, kesalahan ini dapat dibahagikan kepada dua kumpulan pelajar: (1) pelajar yang mampu bertutur dalam dialek Melayu Patani (DMP), dan (2) pelajar yang tidak mempunyai asas langsung dalam bahasa Melayu.

Pelajar dalam kumpulan pertama cenderung menghadapi kesalahan sebutan yang berpunca daripada pemindahan antara dialek (*interdialectal transfer*), terutamanya dalam aspek vokal akhir dan konsonan penutup. Misalnya, vokal /a/ pada posisi akhir kerap diganti dengan /o/ seperti dalam saya yang disebut /sayo/, atau nama menjadi /namo/, iaitu ciri fonologi biasa dalam DMP. Fenomena ini disokong

oleh dapatan Asmah Haji Omar (2008) dan Teo Kok Seong (2006) yang menekankan peranan sistem fonologi dialek dalam pembelajaran bahasa standard. Teori Language Transfer oleh Odlin (1989) juga menjelaskan bahawa walaupun dialek dan bahasa standard berkongsi sistem linguistik yang sama secara umum, perbezaan fonemik boleh menyebabkan gangguan apabila pelajar menggunakan bentuk dialek dalam konteks rasmi.

Sebaliknya, pelajar dalam kumpulan kedua, iaitu mereka yang tidak bertutur dalam DMP dan tidak mempunyai pendedahan awal terhadap bahasa Melayu, menunjukkan corak kesalahan yang berbeza. Kesalahan utama mereka berpunca daripada pemindahan negatif daripada bahasa Thai (L1) dan Inggeris (L2), seperti kekeliruan antara konsonan tak bersuara dan bersuara (/k/ vs /g/, /p/ vs /b/), aspirasi bunyi seperti /p^h/, /t^h/, serta penggantian bunyi /j/ dengan /y/. Menurut Hipotesis Analisis Kontrastif oleh Lado (1957), perbezaan sistem fonem antara L1 dan L2 menyebabkan pelajar sukar menguasai bunyi-bunyi tertentu dalam bahasa sasaran.

Menariknya, dalam kalangan pelajar Muslim yang tidak bertutur DMP, terdapat kesan positif daripada pendedahan kepada bahasa Arab melalui pembelajaran al-Quran. Bahasa Arab berkongsi beberapa fonem dengan bahasa Melayu, termasuk /g/, /j/, dan /h/, yang secara tidak langsung membantu pelajar Muslim menyebut bunyi-bunyi ini dengan lebih tepat berbanding pelajar bukan Muslim. Walau bagaimanapun, pengaruh ini tidak sepenuhnya mengatasi kesan pemindahan negatif daripada bahasa Thai dan Inggeris, yang masih dominan dalam kehidupan harian pelajar.

Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan bahawa masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal dalam kalangan pelajar Thai adalah masalah linguistik yang kompleks dan pelbagai dimensi, dipengaruhi oleh L1, L2, dialek, dan dalam sesetengah kes, L3 (bahasa Arab). Kefahaman terhadap latar belakang linguistik pelajar menjadi asas penting untuk memahami punca kesalahan dan seterusnya membina strategi pedagogi yang berkesan.

Oleh itu, dapatan kajian ini mempunyai implikasi langsung terhadap pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar bukan penutur jati, khususnya di Thailand. Pendidik perlu memberi penekanan kepada latihan fonetik yang bersasar, misalnya membezakan bunyi seperti /c/ dan /kh/, /g/ dan /k/, serta /j/ dan /y/. Latihan pengulangan, pendekatan artikulasi secara langsung, serta penggunaan audio visual berasaskan

sistem IPA dapat membantu memperbaiki sebutan pelajar. Selain itu, pemahaman tentang bentuk kesalahan berdasarkan latar belakang linguistik membolehkan pengajar menyesuaikan teknik pengajaran mengikut keperluan pelajar secara lebih tepat.

Akhirnya, kajian ini diharapkan dapat menjadi sumbangan awal kepada pembentukan model pengajaran fonetik bahasa Melayu kepada pelajar Thai. Dengan pendekatan yang berasaskan data empirikal dan teori linguistik yang kukuh, diharapkan pengajaran bahasa Melayu akan lebih responsif terhadap realiti linguistik pelajar bukan jati di Thailand dan rantau ini.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh kedua-dua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood, & Nurfarah Lo Abdullah. (2007). *Linguistik fonetik dan fonologi bahasa Melayu*. Aslita Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar (2008). *Fonologi dialek Kelantan dan perubahannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Avery, P., & Ehrlich, S. (1992). *Teaching American English pronunciation*. Oxford University Press.
- Azman Wan Chik. (1989). Kesalahan penggunaan bahasa Malaysia oleh murid-murid Melayu. Dalam Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim & Mashudi Kader (Pnyt.), *Kesalahan bahasa dalam bahasa Malaysia* (hlm. 208–221). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Catford, J. C. (1977). *Fundamental problems in phonetics*. Edinburgh University Press.
- Celce-Murcia, M., Brinton, D. M., & Goodwin, J. M. (1996). *Teaching pronunciation: A reference for teachers of English to speakers of other languages*. Cambridge University Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2022). *Kamus Dewan Edisi Keempat* [Dalam talian]. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=diftong>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2022). *Kamus Pelajar Edisi Kedua* [Dalam talian]. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=Konsonan>
- Eppert, F. (Ed.). (1983). Transfer and Translation in Language Learning and Teaching: Selected Papers from the RELC Seminar on “Interlanguage Transfer Processes in Language Learning and Communication in Multilingual Societies,” Singapore, April 1982 (Anthology Series Vol. 12). Singapore University Press.
- Ibrohim Malee. (2023). Penyebaran sistem vokal DMP di Yaha. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 267–287. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.12>
- Iram Sabir, & Nora Alsaheed. (2014). Brief description of consonants in Modern Standard Arabic. *Linguistics and Literature Studies*, 2(7), 185–189.
- Kelly, G. (2000). *How to teach pronunciation*. Pearson Education Limited.
- Kenworthy, J. (1987). *Teaching English pronunciation*. Longman.
- Lado, R. (1957). *Linguistics across cultures: Applied linguistics for language teachers*. University of Michigan Press.
- Nurhuda Sadama, Farok Zakaria & Khuzaiton Zakaria. (2018). Masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal bahasa Melayu di dalam kalangan pelajar Thai: Kajian kes di Kolej Kesihatan Sirinthorn Yala. Dalam Prosiding Seminar Antarabangsa

- Memartabatkan Bahasa Melayu/Indonesia, ASEAN Ke4 (hlm. 245–263). Faton University.
- Nurul Aznina Mohd Salleh & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2017). Struktur suku kata dasar bahasa Jawa Parit Sulong. *Jurnal Melayu*, 16(1), 82–100.
- Odlin, T. (1989). *Language transfer: Cross-linguistic influence in language learning*. Cambridge University Press.
- Prasong Rayanasuk. (1976). *Tinjauan dan menyelesaikan kecacatan pertuturan murid sekolah Sathit Universiti Srinakharinwirot*. Universiti Srinakharinwirot.
- Prasong Rayanasuk. (1992). *Bunyi dan penyebutan bunyi: Pembangunan untuk keberkesanan dalam pertuturan*. Bangkrapi Graphic.
- Radiah Yusof, Noriah Mohamed, & Nor'aini Ismail. (2010). *Penghasilan bunyi vokal dan diftong*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Roach, P. (2009). *English phonetics and phonology* (4th ed.). Cambridge University Press.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teo Kok Seong. (2006). Isu fonologi dalam pengajaran bahasa Melayu standard kepada penutur asli dialek. *Jurnal Bahasa*, 6(1), 23–45.
- Teoh Boon Seong (1994). *The sound system of Malay revisited*. Institute of Language and Literature.
- Wong, R. (1993). Pronunciation: Myths and facts. *English Teaching Forum*, 31(4), 45.
- Zaharani Ahmad, & Teoh Boon Seong. (2005). *Fonologi autosegmental: Penerapannya pada bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.